



**UCAPAN PERASMIAN  
SEMPENA  
HARI INOVASI JKR MALAYSIA 2017  
OLEH  
MENTERI KERJA RAYA  
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN  
HAJI YUSOF**

---

**2 OKTOBER 2017 (ISNIN)  
PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI  
JKR MALAYSIA (CREaTE)**

Terima kasih saudara / saudari pengacara majlis.

YB Datuk Rosnah binti Hj. Abdul Rashid Shirlin  
Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha  
Ketua Pengarah Kerja Raya

YBhg. Dato' Ir. Haji Ismail bin Md. Salleh  
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

YBhg. Dato' Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid  
Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan

YBhg. Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz bin Hj. Osman  
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Infra)

YBrs. Encik Kamaluddin bin Haji Abdul Rashid  
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)

YBrs. Sr. Ratna binti Haji Mahyuddin  
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar)

Pengarah-Pengarah Kanan, Pengarah-Pengarah Cawangan / Bahagian, Pengarah-Pengarah Negeri,

Jurutera-Jurutera Daerah, Pegawai-Pegawai Kader, Pegawai-Pegawai Kanan dan tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia,

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah segala puji milik Allah SWT. Selawat dan Salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita diberi ruang dan kesempatan sekali lagi untuk bersama-sama berhimpun sempena Hari Inovasi Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia bagi tahun 2017.

2. Terlebih dahulu ingin saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada JKR Malaysia dan semua Ahli Jawatankuasa Hari Inovasi JKR Malaysia 2017 kerana sudi mengundang saya dan seterusnya menyempurnakan majlis perasmian pada pagi ini. Sesungguhnya penganjuran Hari Inovasi ini membuktikan komitmen JKR terhadap usaha-usaha menyemarakkan budaya inovasi di kalangan warganya sama ada di peringkat ibu pejabat mahupun di peringkat negeri / wilayah dan daerah. Selain itu, melalui penganjuran Hari Inovasi ini, ia dapat dijadikan sebagai pentas untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga kerja JKR yang tanpa jemu memerah idea kreatif dan inovatif khususnya dalam aspek teknikal demi menghasilkan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

3. Sambutan Hari Inovasi yang diadakan saban tahun oleh kementerian dan jabatan kerajaan mencerminkan akan kepentingan membudayakan kreativiti dan inovasi di dalam kerja harian untuk sentiasa meletakkan kementerian dan jabatan di landasan yang paling efisien dan efektif bagi menjamin perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Ia juga mampu mencipta dan menyerlahkan keunikan sesuatu produk dan perkhidmatan, seterusnya meningkatkan keberhasilan inovasi di agensi-agensi Kerajaan. Perkara ini juga adalah selaras dengan ketetapan Kerajaan bahawa agenda

transformasi negara hendaklah berpaksikan kepada inovasi dan kreativiti bagi menghasilkan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap.

4. Inovasi bermaksud memperkenalkan sesuatu kaedah, sistem, adat dan proses yang baharu. Dalam konteks Perkhidmatan Awam, ia boleh ditafsir sebagai kaedah atau usaha mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan. Dalam erti kata lain, Inovasi merupakan hasil cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam pelbagai aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi serta kehidupan masyarakat. Idea-idea tersebut boleh diperolehi dari dalam mahupun luar atau menerusi proses penyelidikan dan pembangunan (R&D). R&D amat penting kepada sesebuah organisasi bagi mencipta produk baharu dan menginovasikan produk sedia ada untuk disesuaikan dan digunapakai mengikut keperluan jabatan / agensi. Inovasi yang dihasilkan haruslah mampu menambah nilai output semasa serta membawa transformasi kepada budaya kerja sedia ada.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

5. Penyampaian perkhidmatan awam yang rigid dan tidak mesra pengguna tentunya akan menyukarkan masyarakat untuk mendapatkan perkhidmatan terbaik daripada kita, selaku agensi kerajaan. Justeru itu, inovasi memainkan peranan penting dalam penyelesaian masalah, bahkan turut membantu merungkai permasalahan akibat peraturan dan prosedur lama yang sering membantut sistem penyampaian perkhidmatan awam. Itizam untuk menempatkan negara dalam kelas negara maju memerlukan pembudayaan inovasi dan kreativiti secara terancang dan konsisten. Inovasi pada hari ini telah menjadi penanda aras baru global dan sudah pasti menuntut kepada keupayaan penciptaan yang bukan sahaja bersifat baharu, unik dan bermanfaat tetapi juga mampu berfungsi sebagai pemangkin kepada kesejahteraan negara.

6. Jika dilihat dari sudut pencapaian negara di peringkat global, kedudukan Malaysia menurut Laporan Indeks Inovasi Global 2017, adalah di tangga ke-37 daripada 127 negara. Walaupun kita boleh berbangga dengan kedudukan ini, sebenarnya ia adalah penurunan dua anak tangga berbanding tahun 2016. Oleh itu, saya menyeru warga JKR untuk meningkatkan dan merekacipta lebih banyak lagi produk-produk inovasi dan menjadi penanda aras bagi agensi-agensi lain di dalam Negara tentang usaha membudayakan inovasi dan kreativiti. JKR juga sekarang sudah ada CREaTE. Tiada lagi alasan untuk kita tidak dapat mencapai status tersebut.

### **“INNOVATION; CATALYST FOR SUSTAINABILITY”**

7. Saya difahamkan tema Sambutan Hari Inovasi Jabatan Kerja Raya (JKR) pada tahun ini adalah “Innovation; Catalyst for Sustainability”. Ini adalah seiring dengan senario global semasa di mana, inovasi menjadi tunjang kepada sesebuah negara ke arah menjadi negara maju, moden dan berteknologi tinggi. Usaha mempelbagaikan inovasi perlu menjadi teras bagi membolehkan sesebuah negara atau organisasi menghadapi dan mengadaptasi kepada perubahan persekitaran yang pesat dari aspek sosial, ekonomi, budaya dan alam sekitar. Penghasilan inovasi yang berterusan dan berimpak tinggi dapat meningkatkan kecekapan sesuatu proses atau penyampaian perkhidmatan sekaligus memastikan keberlangsungan dan kemampanan sesuatu organisasi untuk menghadapi cabaran dunia global.

8. Setiap daripada kita seharusnya menyelami pemikiran Mendiang Steve Jobs, Pengasas Apple. Kehebatan mendiang dalam mereka cipta lahir daripada minatnya yang mendalam untuk menghasilkan sesuatu daripada dimensi yang berbeza dan di luar daripada kotak pemikiran umum. Hasil kerja beliau yang begitu kreatif dan inovatif ini berjaya menghasilkan dan menampilkan sesuatu yang *extraordinary* daripada orang lain. Produk-produk Apple seperti Macbook, iPad dan iPhone adalah antara ciptaan yang cukup inovatif dan telah berjaya mengubah gaya hidup sebilangan besar penduduk dunia pada masa kini.

9. Justeru itu, mengambil iktibar daripada mendiang Steve Jobs, warga kerja JKR harus keluar daripada cara kerja yang *rigid* dan tidak fleksibel kepada cara baru yang lebih mesra rakyat dan peka terhadap aspirasi mereka. Kaedah dan cara penyampaian perkhidmatan perlu dilaksanakan di luar kelaziman, iaitu ***beyond ordinary; making the extraordinary looks so ordinary***. Saya juga teringat akan kata-kata Curtis Carlson, CEO Stanford Research Institute (SRI International) yang menyatakan bahawa ***“Business as usual is a recipe for Disaster”***.

10. Selaku penjawat awam, kita telah diamanahkan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sebaik mungkin demi kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat. Justeru itu, untuk menjadi yang terbaik, kita hendaklah sentiasa bermuhasabah, menilai kekurangan dan kelemahan diri dan organisasi bagi penambahbaikan dan peningkatan kualiti perkhidmatan demi mengekalkan dan mengembalikan keyakinan masyarakat akan kebolehan dan kepakaran yang kita miliki. Saya mengajak kita semua untuk bergerak sebagai satu pasukan bagi membentuk gandingan yang mantap dan padu demi kelangsungan JKR Malaysia. Positifkan minda, jadikan setiap kelemahan dan kekurangan itu sebagai satu kelebihan dan peluang untuk kita menghasilkan sesuatu yang lebih kreatif dan inovatif ibarat nukilan mendiang Steve Jobs *“Let’s go invent tomorrow instead of worrying about what happened yesterday”*.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

## **INOVASI JKR**

11. Saya dimaklumkan pada tahun ini, JKR Malaysia telah menyertai pameran inovasi antarabangsa di *28th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2017* yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Lima (5) produk JKR telah memenangi *Gold Award* manakala tujuh (7) produk lagi memenangi *Silver Award*. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada warga kerja JKR yang terlibat di atas pencapaian inovasi JKR.

## **TAHUN PENGKOMERSIALAN MALAYSIA (MCY)**

12. Untuk perkongsian bersama juga, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui inisiatif pengkomersialan negara menerusi Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) bagi memberi fokus kepada pengkomersialan produk-produk / teknologi-teknologi hasil pembangunan dan penyelidikan (R&D) tempatan. Inisiatif ini telah dimulakan menerusi Tahun Pengkomersialan MOSTI 2014 hingga 2015, Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 dan Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY 2.0) bermula 2017 hingga 2019 sebagaimana diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Disember 2016. Salah satu aktiviti inisiatif pengkomersialan ini adalah perkongsian KPI Khas antara Jabatan / Agensi / Universiti yang menjalankan Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R,D,C&I).

13. Saya difahamkan bahawa produk *Float Range Pole* (FRP) yang merupakan hasil inovasi daripada JKR Daerah Kluang, Johor adalah satu daripada tujuh produk inovasi JKR Malaysia yang telah pun tersenarai dalam KPI Khas MCY 2.0 bagi tahun 2017. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pasukan yang terlibat.

## **KEPENTINGAN INOVASI**

14. Dalam usaha memperkukuhkan daya saing negara, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk mentransformasi perkhidmatan awam termasuk membangunkan Pelan Strategik dan Pelan Transformasi Agensi, melaksanakan *Business Process Reengineering* bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan, memperkukuh pelaksanaan strategik ICT, menggembeleng tenaga kerja optimum melalui perkongsian strategik antara agensi dan sebagainya.

15. Impian kita untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kompetitif dalam inovasi memerlukan kita, sebagai rakyat Malaysia melakukan perubahan berskala besar dan drastik. Cabaran-cabaran semasa yang muncul, sama ada secara kita sedar ataupun tidak, seharusnya diatasi dengan langkah penyelesaian yang kreatif lagi bijaksana. Oleh itu, warga kerja JKR perlu bersiap siaga meneroka ilmu pengetahuan dan kepakaran serta melakukan anjakan minda untuk berdepan dengan apa jua cabaran, domestik mahu pun global, bagi memastikan usaha-usaha yang dilaksanakan mencapai kejayaan. Ibarat kata Albert Von Szent, seorang ahli biokimia berbangsa Hungary dan pemenang Nobel Prize in Physiology or Medicine in 1937: *“Discovery is seeing what everybody else has seen, and thinking what nobody else has thought”*.

16. Kepimpinan adalah kunci utama kepada kecemerlangan sesebuah organisasi. Dalam membudayakan inovasi di kalangan warga kerja JKR, saya percaya pimpinan atasan JKR telah menetapkan momentum agenda transformasi jabatan yang diperkukuhkan dengan pelan strategik Jabatan. Menerusi kerangka strategik ini pastinya JKR akan melakar banyak lagi kejayaan dan pencapaian yang membanggakan.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

## **PENUTUP**

17. Membudayakan pemikiran kreatif dan inovatif memerlukan satu transformasi minda yang berteraskan penciptaan, disebutkan oleh Howard Gardner, sebagai Minda Penciptaan atau *The Creating Mind*. Minda sebegini memerlukan seseorang itu berfikir dan mencipta sesuatu yang baharu dan unik dalam melaksanakan kerja. Ia memerlukan kebolehan berfikir melangkaui kelaziman serta menggabungkan idea-idea kreatif bagi menghasilkan output / produk yang hebat dan luar biasa. Minda seperti inilah yang perlu dibudayakan di JKR.



18. Bersempena dengan Hari Inovasi JKR Malaysia 2017 yang kita raikan pada hari ini, saya menyeru para hadirin sekalian untuk terus memperkasakan usaha-usaha mereka-cipta produk-produk baharu lagi inovatif dan mengeluarkan idea-idea kreatif bagi meningkatkan prestasi dan kualiti penyampaian perkhidmatan kita seiring dengan tema pada tahun ini "Innovation; Catalyst for Sustainability". Inovasi yang dihasilkan bukan sekadar bertujuan menyertai pertandingan atau mendapat pengiktirafan semata-mata, sebaliknya tumpuan hendaklah diberi kepada pengukuhan inovasi secara berterusan bagi meningkatkan budaya inovasi dalam kalangan warga JKR khususnya dan Perkhidmatan Awam amnya.

19. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada warga JKR yang bakal memenangi Anugerah-Anugerah yang dipertandingkan sempena Hari Inovasi JKR Malaysia 2017. Semoga dengan kejayaan ini ia akan membakar semangat warga JKR untuk terus berusaha menjadi yang terbaik dan terus kreatif dalam mereka-cipta produk baharu.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanhirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Hari Inovasi Jabatan Kerja Raya Malaysia bagi tahun 2017.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.